

**NOTIS**  
**UNIT PEPERIKSAAN**  
**JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK**

**PEPERIKSAAN KHAS**

Peperiksaan Khas diadakan bagi pelajar semester akhir yang gagal satu (1) atau tidak lebih dari dua (2) kursus pada Peperiksaan Akhir semester pengajian.

Permohonan untuk menduduki Peperiksaan Khas perlu dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Pelajar boleh memuat naik borang permohonan HEA/PEP-15 melalui laman sesawang Jabatan Hal Ehwal Akademik pada pautan berikut: <http://hea.uum.edu.my/>.

Pelajar semester akhir yang akan/sedang menjalani praktikum perlu mendapatkan kelulusan majikan untuk mendapat pelepasan bagi menduduki Peperiksaan Khas tersebut. Sekiranya majikan tidak memberi pelepasan bagi menduduki Peperiksaan Khas tersebut, pelajar perlu mengulang subjek yang gagal pada semester berikutnya untuk melayakkan pelajar bergraduasi.

Sekiranya pelajar lulus peperiksaan yang diambil, bayaran sebanyak RM40 bagi 1 jam kredit akan dikenakan.

Maklumat lanjut boleh hubungi nombor hotline seperti dibawah:

**UNIT PEPERIKSAAN HOTLINE**  
**04-928 3314/3328/3329**  
(Email: [exam\\_hea@uum.edu.my](mailto:exam_hea@uum.edu.my))

**Tarikh Tutup Permohonan: 01 September 2021 (Rabu)**

Sekian, harap maklum.

Unit Peperiksaan, Jabatan Hal Ehwal Akademik  
Universiti Utara Malaysia  
24 Ogos 2021